



Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

Khutbah Aidiladha 1445H

Aidiladha:
“Menginsafi Nilai Pengorbanan”

Tarikh Bacaan:
10 Zulhijjah 1445 هـ

Dibiayai:



زكاة فولاد فينغ

Diterbitkan:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولاد فينغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Teks Khutbah Aidiladha 1445H

“Aidiladha: Menginsafi Nilai Pengorbanan”

(10 ZULHIJAH 1445H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْكَرِيمِ الْقَهَّارِ، الرَّحِيمِ الْغَفَّارِ، دَعَا عِبَادَهُ إِلَى أَشْرَفِ بَيْتٍ وَأَعْظَمِ مَزَارٍ،
وَنَادَاهُمْ إِلَى أُمَّ الْقُرَى لِيَغْفِرَ لَهُمُ الذُّنُوبَ وَالْأَوْزَارَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، تَفَرَّدَ بِالْبَقَاءِ وَالِدَّوَامِ وَالِإِفْتِدَارِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، خَيْرٌ مَنْ طَافَ وَسَعَى وَرَمَى الْجِمَارَ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَيْرِ الْأَبْرَارِ، وَعَلَى آلِهِ الْأَطْهَارِ، وَصَحْبِهِ
الْأَخْيَارِ، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ مَا تَعَاقَبَ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَأُوْصِيْكُمْ أَيُّهَا النَّاسُ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، وَرَاقِبُوهُ وَلَا تَعْصُوهُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

IBADALLAH RAHIMAKULLAH,

Memulakan bicara mimbar, khatib ingin menyeru sekalian umat untuk sama-sama menzhahirkan kesyukuran atas nikmat menyambut Hari Raya Aidiladha. Aidiladha adalah hari raya utama umat Islam yang sinonim

dengan pengorbanan dan kesatuan. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** mensyariatkan hari raya ini bagi melengkapkan *hablumminallah* (حَبْلٌ مِّنَ اللَّهِ) dan *hablumminannas* (حَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ). Sambutan perayaan Aidiladha merangkumi dua teras penting iaitu ibadah haji dan juga ibadah korban. Kedua-duanya menjadi simbol dan kemuncak mengorbanan umat Islam yang dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Saat dan ketika ini juga kita dapat membayangkan bagaimana para jemaah haji yang datang dari seluruh dunia, berhimpun penuh ketaatan dalam menyempurnakan manasik haji. Semoga kita juga dapat menjadi jemaah haji yang akan terpanggil dan terpilih suatu hari nanti.

Bagi menterjemahkan erti pengorbanan yang hakiki, marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: **Aidiladha: Menginsafi Nilai Pengorbanan.**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

HADIRIN SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Jika ditelusuri dengan lebih terperinci, bulan Zulhijjah adalah salah satu dari empat bulan haram. Kemuliaannya jelas dinyatakan secara langsung oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** pada awal surah al-Fajr. Daripada Ibnu Abbas **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**, Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda:

مَا مِنْ عَمَلٍ أَرْكَبِي عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَلَا أَعْظَمُ أَجْرًا مِنْ خَيْرِ يَعْمَلُهُ فِي عَشْرِ
الأضحى

Maksudnya: *“Tiada amalan yang lebih mulia di sisi Allah dan lebih besar pahala daripada kebaikan yang seseorang lakukan pada sepuluh hari awal Zulhijjah.”* ﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari﴾

Berdasarkan hadis ini, sepuluh hari awal Zulhijjah merupakan hari-hari yang paling disukai oleh Allah untuk kita melakukan amal soleh kerana banyaknya pahala yang dijanjikan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Ibadah haji merupakan syiar agama. Memuliakannya bermaksud meninggikan agama. Antara peristiwa besar yang terkandung di dalam bulan haji ini ialah sejarah ibadah korban yang menjadi simbol pengorbanan harta dan dunia yang sementara.

Kalimah korban berasal dari Bahasa Arab yang membawa maksud mendekatkan. Manakala menurut istilah syarak, korban ialah sembelihan binatang ternakan seperti unta, lembu, kerbau dan kambing dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah. Ibadah khusus ini merupakan asas yang sangat kuat yang mencatatkan sejarah panjang dalam tradisi para rasul terdahulu. Ia dilakukan pada Hari Raya Aidiladha dan hari-hari tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Bagi merealisasikan pematuhan syariat yang murni ini, kita juga dituntut untuk melaksanakan ibadah korban mengikut sunnah Baginda Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* bagi menjamin keberkatan dalam amalan.

Peristiwa korban bermula sejak zaman anak Nabi Adam *عَلَيْهِ السَّلَامُ* lagi iaitu korban yang dilakukan oleh Qabil dan Habil. Ujian dan pengorbanan getir ini tidak hanya berakhir di situ. Peristiwa ini berlaku seterusnya kepada Nabi Ibrahim *عَلَيْهِ السَّلَامُ* terhadap anaknya Nabi Ismail *عَلَيْهِ السَّلَامُ*. Peristiwa agung ini yang menjadi asas pensyariatan ibadah korban sepanjang zaman. Ujian yang menimpa Nabi Ibrahim *عَلَيْهِ السَّلَامُ* menjadi

pelajaran yang terbesar buat kita. Meninggalkan anak dan isteri di tempat yang tiada penghuni serta menerima perintah untuk menyembelih zuriat sendiri adalah bukti luar biasanya iman yang dimiliki oleh seorang Nabi.

Sesungguhnya keringat dan jerih payah seorang ayah tidak akan mampu dibayar oleh anaknya biarpun dengan segunung emas. Bukan mudah untuk mengorbankan sesuatu yang amat kita sayang. Ikhlasnya Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَامُ dalam menunaikan perintah Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana ia lebih utama dari segala hambatan dunia. Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ menjadi ikon anak soleh yang sangat taat pada ayahnya apabila rela menyerahkan diri untuk disembelih oleh ayahnya sendiri. Baginda sedar bahawa setiap perancangan Allah adalah yang terbaik. Inilah tarbiah iman dari seorang ayah yang bertakwa. Peristiwa ini terakam indah dalam surah as-Saffat ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئِي إِيَّيَّيَّ أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَتِ

أَفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab: “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya-Allah, ayah mendapati daku dari orang-orang yang sabar.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

WAHAI TETAMU-TETAMU ALLAH YANG DIRAHMATI,

Pensyariatan setiap ibadah pastinya memiliki hikmah dan manfaatnya. Dalam meneruskan kelangsungan hidup, pastinya kita tidak dapat lari dari pengorbanan. Setiap manusia tidak kira apa jua darjat, pangkat, status sosial dan usia akan menempuh ujian yang menuntut kepada pengorbanan. Sembelihan yang kita laksanakan bukanlah melihat pada darah dan isi binatang korban, namun Allah lebih memandang pada hati yang ikhlas sebagaimana firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** di dalam surah al-Hajj ayat ke 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ

لِشُكْرِكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَبَشِيرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: “Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya.”

Dalam konteks ibadah haji, ia menuntut untuk mengorbankan tenaga, masa dan perbelanjaan yang dikumpulkan bertahun-tahun lamanya, berkorban kasih menanggung perpisahan dengan ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai, membelanjakan harta kekayaan dan menahan kemahuan nafsu di dalam ihram. Manakala dalam konteks ibadah korban,

ia mengajar dan mendidik kita untuk “menyembelih” rasa sayang dan kedekut pada harta dunia.

Di samping kita melaksanakan ibadah korban di masjid dan qaryah kita, jangan dilupakan saudara-saudara kita di Palestin yang berkorban jiwa dan raga demi mempertahankan kota suci Al-Aqsa. Kita di sini memiliki segala-galanya tetapi mereka di sana hilang segala-galanya. Namun iman dan semangat pengorbanan masih kental di dada.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

SIDANG MUSLIMIN DAN MUSLIMAT RAHIMAKUMULLAH,

Seperkara yang khatib ingin tekankan juga dalam kesempatan ini ialah berkaitan dengan urusan pengendalian dan pengagihan daging korban. Walaupun ia telah dilaksanakan saban tahun, namun sebagai peringatan kita bersama, haruslah diingat bahawa daging korban yang diagihkan mestilah mengutamakan fakir miskin dan golongan yang berhak menerimanya. Tatacara pelaksanaan mestilah mengikut garis panduan syarak. Inilah saatnya kita berkongsi rezeki dan nikmat yang diperolehi kerana mungkin ada dalam kalangan saudara seagama kita jarang atau mungkin hanya setahun sekali dapat merasai dan menikmati daging korban.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Mengakhiri khutbah pada hari yang penuh bermakna ini, khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk mengambil beberapa pengajaran sebagai panduan.

Pertama: Bersyukurlah atas setiap nikmat kurniaan Allah baik sedikit mahupun banyak kerana hamba yang bersyukur pasti akan ditambah nikmat pemberian.

Kedua: Hargailah pengorbanan insan di sekeliling kita kerana ia lebih mendekatkan kita pada ikatan dan hubungan kasih sayang.

Ketiga: Meningkatkan kepedulian sosial terhadap sesama umat Islam sesuai dengan maksud hadis bahawa tangan yang di atas adalah lebih baik dari yang di bawah (yang memberi adalah lebih baik daripada yang menerima).

Keempat: Islam sangat menuntut untuk kita berlaku ihsan walaupun terhadap haiwan. Tatacara dan sunnah dalam sembelihan menjadi bukti Islam agama yang mementingkan kebersihan.

Kelima: Mendidik diri untuk bersikap ikhlas dan berintegriti dalam melakukan sesuatu amalan dan pekerjaan.

Firman Allah dalam surah al-Kausar ayat 1-3:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ۝ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۝ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۝

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kejakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (daripada mendapat sebarang perkara yang diinginkannya)”.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُوا اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



Khutbah Kedua Aidiladha

(10 ZULHIJAH 1445H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الْكَرِيمِ وَالرَّسُولِ الْعَظِيمِ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ أَحَبَّهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada kesempatan hari yang mulia ini, ayuhlah kita bersama-sama memperbanyak menyebut kalimat Alhamdulillah dan Allahu Akbar tanda kesyukuran dan membesarkan Allah. Nikmat merayakan Hari Raya Aidiladha ini adalah sangat besar nilai dan ertinya dalam kehidupan seorang hamba. Hitunglah kesyukuran setiap pemberian berbanding kesulitan dalam setiap ujian sebagaimana firman Allah

: سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah, nescaya kamu tidak akan mampu menghitungnya. Sungguh, Allah benar-benar Maha Pengampun, Maha Penyayang.”*

(Surah an-Nahl ayat 18)

Semoga tawaran dan ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* akan sentiasa meningkatkan motivasi diri kita untuk melibat-gandakan ibadah di sisi Allah setiap masa.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kebelakang ini, terdapat golongan baik yang muda mahupun yang berusia, mudah terikut-ikut dengan gaya dan budaya yang kurang sihat sehingga boleh mencemar kesucian dan kemuliaan sambutan hari raya. Perbuatan seperti merakam video lagu, nyanyian dan tarian yang agak keterlaluan ini adalah bercanggah dengan tatasusila dan kesopanan serta adab menyambut hari raya. Ibadah kita adalah untuk dinilai oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* bukan untuk dibuat *“content”* semata-mata. Firman Allah di dalam Surah al-An’am ayat 162:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Maksudnya: *“Katakanlah sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan sekalian alam.”*

Tidaklah salah untuk kita berhibur dan bergembira bahkan hari raya memang diciptakan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** untuk kita meraikan penuh kegembiraan dan kemenangan. Namun, hiburan yang perlu ditekankan ialah hiburan yang bersesuaian dengan fitrah bukan yang boleh menimbulkan fitnah. Isikanlah hari raya ini dengan memperbanyakkan laungan takbir sepanjang hari-hari *Tasyriq* untuk membesarkan Allah di dalam diri.

Kepada ibu bapa, berikanlah perhatian dan didikan serta contoh teladan terbaik untuk anak-anak khususnya dalam memanfaatkan gajet dan telefon bimbit agar setiap kebaikan yang anak lakukan akan memberikan manfaat dan saham akhirat buat kita di sana. Setiap manusia akan menuai apa yang disemai. Semua kebaikan yang ditanam dan disuburkan di dalam diri, keluarga dan masyarakat akan menyumbang kepada kesempurnaan agama dan seterusnya membentuk akhlak peribadi muslim yang sejati.

Rasulullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** menjelaskan kepentingan memiliki akhlak yang mulia menerusi sebuah hadis yang maksudnya:

“Bertaqwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada, iringilah keburukan dengan kebaikan yang dapat menghapusnya dan berurusanlah sesama manusia dengan akhlak yang baik.” (Hadis Riwayat At-Tirmizi)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari ini juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الْأُمِّيِّ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَانَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا
عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.